

Darul Ifta Mesir memberikan jawapan yang menarik:

إِنْ تَعَدَّرَ عَلَى صَاحِبِ الْجُرْحِ أَنْ يَضَعَ
عَلَى جُرْحِهِ حَائِلًا لِيَمْسَحَ عَلَيْهِ،

“ Jika seseorang yang terluka tidak mampu meletakkan pelindung di atas lukanya untuk disapu (air), ”

جَازَ لَهُ تَرْكُ غَسْلِ ذَلِكَ الْمَوْضِعِ
مِنَ الْعَضْوِ


“ diperbolehkan baginya untuk tidak membasuh bahagian anggota tubuh yang terluka tersebut. ”

وَتَصِحُّ بِذَلِكَ طَهَارَتُهُ عَلَى مَا تَوَارَدَ
عَلَيْهِ ظَاهِرُ النُّصُوصِ وَالْآثَارِ

“ Dan wuduknya tetap sah berdasarkan dalil-dalil dan atsar yang jelas. ”

وَهُوَ مَذْهَبُ الْحَنْفِيَّةِ.

“ Dan ini adalah pendapat mazhab Hanafiyah. ”



HADIS IBNU ABBAS menceritakan bagaimana seorang lelaki luka dikepalanya. Dia bermimpi basah. Lalu ada yang menyuruhnya untuk mandi wajib, akibatnya dia meninggal dunia setelah itu.

Rasulullah ﷺ marah dengan kejadian dan kejahilan mereka itu.

Lalu Rasul ﷺ memberikan panduan:

لَوْ غَسَلَ جَسَدَهُ، وَتَرَكَ رَأْسَهُ حَيْثُ
أَصَابَهُ الْجِرَاحُ

“ Jika dia membasuh tubuhnya dan meninggalkan kepalanya yang terkena luka, tentu dia tidak akan mati. ”

صحيح ابن ماجه 470

BOLEH UNTUK TIDAK BASUH

Melalui hadis ini difahami boleh untuk tidak membasuh anggota luka tersebut kerana mudarat dan beralih untuk membasuh anggota lain.



Ibnu Umar berkata:

إِذَا لَمْ تَكُنْ عَلَى الْجُرْحِ عَصَائِبُ غَسَلِ
مَا حَوْلَهُ، وَلَمْ يَغْسِلْهُ

“ Jika luka tidak ada balutan, maka basuhan hanya perlu di sekeliling luka tersebut dan tidak perlu membasuh lukanya itu. ”

(أخرجه البيهقي في السنن الكبرى)



IMAM AL-KASANI DALAM BADAI' AS-SANA'I MENJELASKAN:

Hukum menyapu air atas pembalut boleh digugurkan jika mendatangkan mudarat:

وَلَا خِلَافٍ فِي أَنَّهُ إِذَا كَانَ الْمَسْحُ عَلَى
الْجَبَائِرِ يَضُرُّهُ أَنَّهُ يَسْقُطُ عَنْهُ الْمَسْحُ؛

“ Dan tiada khilaf jika menyapu (air) pada pembalut itu boleh (mendatangkan) mudarat, maka hukum menyapu itu digugurkan. ”

لَآنَ الْغَسْلَ يَسْقُطُ بِالْعُدْرِ،
فَالْمَسْحُ أَوْلَى.

“ Jika (hukum) membasuh boleh digugurkan dengan sebab keuzuran, maka hukum menyapu (air atas luka) lebih utama (digugurkan). ”

Badai' As-Sana'i (1/13, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah)

Mazhab Maliki juga sependapat dengan Mazhab Hanafi.

Al-Allamah Al-Hattab Al-Maliki dalam Mawahib Al-Jalil berkata:

وَقَالَ ابْنُ فَرْحُونَ عِنْدَ قَوْلِ ابْنِ
الْحَاجِبِ:

“ Berkata Ibnu Farhun, ketika mensyarahkan kata-kata Ibnu Al-Hajib: ”

وَإِنْ كَانَ يَتَضَرَّرُ بِمَسْحِهَا، أَوْ
لَا تَثْبُتُ، أَوْ لَا يُمَكِّنُ، وَهِيَ فِي

أَعْضَاءِ التَّيْمَمِ،

“ Jika seseorang mengalami mudarat dengan menyapu (air pada) luka, atau pembalutnya tidak melekat, atau tidak dapat meletakkannya, dan luka itu berada pada anggota tayammum, ”

تَرَكَهَا وَغَسَلَ مَا سِوَاهَا.

“ dia boleh meninggalkan membasuh anggota itu dan hanya membasuh anggota yang lain. ”

Mawahib Al-Jalil (1/363, Dar Al-Fikr)

KESIMPULAN

Apabila anggota wuduk yang luka itu **tidak boleh dibasuh atau disapu air atasnya** atau tidak boleh digantikan dengan tayammum kerana mendatangkan mudarat, maka **tak perlu membasuh atau menyapu air ataupun bertayammum pada anggota itu** dan berpindahlah membasuh pada anggota yang lain.

SUMBER

- دار الافتاء المصرية
- كيفية وضوء من عجز عن غسل بعض أعضاء الوضوء لسبب طبي